

# **Dr. Mahathir tak terima cadangan buka kasino Faber-Merlin**

KUALA LUMPUR 28  
Sept. — Presiden UMNO,  
Datuk Sri Dr. Mahathir  
Mohamad berkata beliau  
tidak menerima apa - apa  
laporan mengenai ca-  
dangan pembukaan kasino  
oleh Faber-Merlin, anak  
syarikat kumpulan Fleet  
dalam mana UMNO mem-  
punyai kepentingan.

"Saya tidak tahu dan ti-  
dak dapat maklumat meng-  
enainya," kata beliau.

Bila diberitahu bahawa  
cadangan itu dilaporkan  
oleh akhbar baru - baru ini,  
beliau menambah: "Syari-  
kat - syarikat berkenaan  
bukan milik UMNO sepe-  
nuhnya, orang lain pun ada  
juga menjadi pemiliknya."

Laporan akhbar baru -  
baru ini menyatakan Faber-  
Merlin bercadang untuk  
membuka kasino di sebuah  
negara di rantau Pasifik.

Mengenai kejadian keba-  
karan beberapa masjid ba-  
ru - baru ini Datuk Sri Dr.  
Mahathir yang juga Mente-  
ri Dalam Negeri berkata  
kerajaan masih lagi me-  
nyiasat siapa yang bertang-  
gungjawab.

Bagaimanapun kerajaan  
tahu bahawa kejadian itu  
dilakukan oleh orang -  
orang yang ingin mencetus-  
kan huru - hara, ujar beliau.